



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA **KPWKM**

**LAPORAN HARIAN SELASA, 2 SEPTEMBER 2025**



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN



TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



2/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>PPWS TERUS PERKASA WANITA LUAR BANDAR</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://suarasarawak.my/ppws-terus-perkasa-wanita-luar-bandar/">https://suarasarawak.my/ppws-terus-perkasa-wanita-luar-bandar/</a>	SUARASARAWAK.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>GOLONGAN WANITA TIDAK DIABAIKAN, KEBAJIKAN JADI KEUTAMAAN – HAJIJI NOOR</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://sabahmedia.com/2025/09/01/golongan-wanita-tidak-diabaikan-kebajikan-jadi-keutamaan-hajiji-noor/">https://sabahmedia.com/2025/09/01/golongan-wanita-tidak-diabaikan-kebajikan-jadi-keutamaan-hajiji-noor/</a>	SABAHMEDIA.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>BUDAK TERJATUH PARIT DITEMUI LEMAS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1440870/budak-terjatuh-parit-ditemui-lemas">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1440870/budak-terjatuh-parit-ditemui-lemas</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-7-tahun-lemas-jatuh-parit/">https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-7-tahun-lemas-jatuh-parit/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2462846">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2462846</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-lelaki-7-tahun-lemas-jatuh-dalam-parit">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-lelaki-7-tahun-lemas-jatuh-dalam-parit</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746082/berita/semasa/kanak-kanak-hilang-ditemui-meninggal-dunia">https://www.sinarharian.com.my/article/746082/berita/semasa/kanak-kanak-hilang-ditemui-meninggal-dunia</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2462807">https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2462807</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/01/kanak-kanak-ditemui-mati-lemas-dalam-takungan-air">https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/01/kanak-kanak-ditemui-mati-lemas-dalam-takungan-air</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/kanak-kanak-lelaki-maut-jatuh-parit-di-bintulu/">https://suarasarawak.my/kanak-kanak-lelaki-maut-jatuh-parit-di-bintulu/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-terjatuh-parit-ditemukan-lemas-536701">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-terjatuh-parit-ditemukan-lemas-536701</a>	ASTROAWANI.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



2/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/kanak-kanak-lelaki-dijumpai-lemas-dalam-parit/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/kanak-kanak-lelaki-dijumpai-lemas-dalam-parit/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/753940">https://www.malaysiakini.com/news/753940</a>	MALAYSIAKINI.COM	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/01/kanak-kanak-lelaki-dijumpai-lemas-dalam-parit/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/01/kanak-kanak-lelaki-dijumpai-lemas-dalam-parit/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/09/01/kanak-kanak-lelaki-lemas-jatuh-dalam-parit/">https://www.tvsarawak.my/2025/09/01/kanak-kanak-lelaki-lemas-jatuh-dalam-parit/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=YPuV62LOKjA">https://www.youtube.com/watch?v=YPuV62LOKjA</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>DERA BUDAK 2 TAHUN: MANGSA ENGGAN IKUT ARAHAN, PUNCA GURU TASKA BERTINDAK KASAR – POLIS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/dera-budak-2-tahun-mangsa-enggan-ikut-arahan-punca-guru-taska-bertindak-kasar-polis/">https://www.buletintv3.my/nasional/dera-budak-2-tahun-mangsa-enggan-ikut-arahan-punca-guru-taska-bertindak-kasar-polis/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=nMRgCQ0nHmE">https://www.youtube.com/watch?v=nMRgCQ0nHmE</a>	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>EMPAT DITAHAN DISYAKI ROGOL REMAJA PEREMPUAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1259147/empat-ditahan-disyaki-rogol-remaja-perempuan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1259147/empat-ditahan-disyaki-rogol-remaja-perempuan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/746118/berita/semasa/remaja-perempuan-16-tahun-dakwa-dirogol-sekira-berkumpulan">https://www.sinarharian.com.my/article/746118/berita/semasa/remaja-perempuan-16-tahun-dakwa-dirogol-sekira-berkumpulan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1268908/four-teens-arrested-over-alleged-rape-16-year-old-seremban">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/09/1268908/four-teens-arrested-over-alleged-rape-16-year-old-seremban</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/01/police-detain-four-teenagers-for-alleged-gang-rape-of-16-year-old">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/01/police-detain-four-teenagers-for-alleged-gang-rape-of-16-year-old</a>	THESTAR.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



2/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/01/4-lelaki-ditahan-rogol-remaja-16-tahun">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/01/4-lelaki-ditahan-rogol-remaja-16-tahun</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	M
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1441031/remaja-16-tahun-dakwa-dirogol-beramai-ramai-selepas-berkaraoke">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1441031/remaja-16-tahun-dakwa-dirogol-beramai-ramai-selepas-berkaraoke</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/01/remaja-16-tahun-kena-ratah-beramai-ramai/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/01/remaja-16-tahun-kena-ratah-beramai-ramai/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/4-lelaki-ditahan-rogol-remaja-perempuan-berumur-16-tahun/">https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/4-lelaki-ditahan-rogol-remaja-perempuan-berumur-16-tahun/</a>	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



Norhyati bergambar bersama ahli-ahli PPWS Daerah Limbang. | Foto TVS

## PPWS terus perkasa wanita luar bandar

**LIMBANG:** Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) terus komited menganjurkan pelbagai program ke arah memperkasakan keupayaan wanita termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Pengerusinya, Dato Norhyati Mohd Ismail berkata, usaha memperkasa wanita menjadi teras perjuangan PPWS sebagai badan pemangkin pembangunan wanita di Sarawak.

"Matlamat kita adalah memberi pendidikan, ilmu dan menambah kesejahteraan keluarga.

Ahli-ahli PPWS turun ke lapangan bukan sahaja untuk komuniti sendiri, tetapi juga membantu komuniti sekitar khususnya di luar bandar," katanya ketika ditemui media sempena Hari Sinergi PPWS 2025 membabitkan kerjasama PPWS Daerah Limbang bersama Zon C di Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas hari ini.

Turut hadir Exco PPWS Cawangan Limbang/Lawas Hamimah Hasbullah dan Jemilah Matasan, Pengurus PPWS Cawangan Limbang/Lawas Fariyana Ajmain serta Pengurus PPWS Daerah Limbang Dayang Suridah Mohamad Superi.

Norhyati berkata, program yang dilaksanakan melibatkan penyertaan wanita luar bandar merangkumi aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan kepimpinan masyarakat.

Beliau menjelaskan, PPWS sentiasa komited mewujudkan program terancang dan aktiviti berimpak yang mampu memberi ilmu serta kemahiran, sekali gus membuka ruang wanita memajukan diri.

"Penyertaan wanita dari seluruh Sarawak dalam PPWS memberi peluang untuk berkongsi maklumat, kemahiran dan pengetahuan terkini sejajar dengan perkembangan semasa," ujarnya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Golongan wanita tidak diabaikan, kebajikan jadi keutamaan – Hajiji Noor

By editor02 September 1, 2025



Tuaran: Kebajikan dan keperluan golongan wanita tidak pernah diabaikan kerana mereka juga memainkan peranan dalam pembangunan negeri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, kesejahteraan rakyat yang merangkumi aspek kebajikan adalah antara keutamaan dalam pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

"Kita menghargai peranan wanita dan kita tidak melupakan kebajikan mereka.

"Saya yakin dengan sokongan golongan wanita, khususnya di Sulaman, akan menjadi penentu kemenangan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dalam pilihan raya negeri akan datang," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan dapur kepada kira-kira 1,000 suri rumah di Sulaman bertempat di Pusat Kebudayaan Bajausamah, Lok Batik di sini pada Isnin

Hajiji yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sulaman berkata, beliau boleh bergantung kepada sokongan kaum wanita dan dengan usaha gigih mereka, beliau yakin GRS akan mencapai kemenangan.

Beliau turut mengecam pembangkang yang mendakwa GRS adalah Kerajaan Negeri yang gagal.

"Ketika saya mengambil alih pentadbiran, Sabah sama seperti tempat lain di dunia, berdepan situasi suram akibat pandemik COVID-19, selain itu landskap politik negara juga sangat tidak menentu ketika itu.

"Saya sendiri turut dijangkiti COVID-19. Selama dua bulan, saya tidak dapat bertemu pegawai kerajaan manapun hadir ke pejabat. Namun, dalam keadaan sukar itu dengan tekad yang ada, kami berjaya mencetuskan idea untuk melaksanakan pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya," katanya.

Sementara itu, Hajiji berkata, Hala Tuju SMJ dirangka bagi memulihkan ekonomi negeri yang terjejas teruk akibat pandemik, sambil menambah bahawa selepas lebih empat tahun, pelan itu membawa hasil dengan pemulihran ekonomi Sabah.

Sejak itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat termasuk bantuan bulanan RM300 di bawah program SYUKUR kepada kira-kira 100,000 rakyat miskin dan miskin tegar Sabah yang tersenari dalam e-Kasih selama setahun.

"Dari segi bantuan kebajikan, kita telah membelanjakan kira-kira RM1.4 billion untuk membantu 70,000 penerima, manakala dalam bidang pendidikan, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM1.33 billion di bawah pembangunan modal insan," katanya

Beliau menambah, Kerajaan Negeri juga melaksanakan Rumah Mesra SMJ yang menyediakan rumah percuma kepada rakyat yang memerlukan di Sabah.

Hajiji berkata berpeluang membantu rakyat merupakan satu kepuasan besar bagi kerajaan GRS sambil menambah bahawa dengan sokongan rakyat, beliau yakin dapat mempertahankan kerusi Sulaman dalam pilihan raya negeri akan datang. – **SABAH MEDIA**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



TAJUK : AKTIVITI LARIAN UBAH STIGMA TERHADAP ANAK OKU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Aktiviti larian ubah stigma terhadap anak OKU

Peranan ibu bapa amat penting cari pendekatan terbaik, perlu lalui pelbagai proses eksperimen

Oleh Saadiah Ismail  
Saadiah\_ismail@bh.com.my

Memilih aktiviti sesuai untuk anak kurang upaya (OKU) bukan tugas mudah, apatah lagi apabila mereka sukar meluahkan kehendak sendiri.

Justeru, peranan ibu bapa amat penting dalam mencari pendekatan terbaik, meskipun terpaksa melalui pelbagai proses eksperimen.

Bagi pasangan suami isteri, Norhazim Izzat Md Azman, 38, dan Nur Hani Amirah Idris, 35, cabaran itu cukup dekat di hati mereka

selepas dikurniakan dua anak istimewa, masing-masing disahkan menghidap autisme.

Anak sulung, Nur Alisyah Humaerah, 9, turut berdedah kompleks kesihatan, manakala anak kedua, Muhammad Adam Huzair, 6, juga menghidap autisme.

"Pada awalnya hidup kami banyak dihabiskan di rumah kerana bimbang keadaan anak, tambahan pula stigma masyarakat terhadap kanak-kanak autism masih menebal. Ada yang anggap anak tak refi duduk diam, malah ada juga menyalahanggap ibu bapa," kata Norhazim.

Namun, situasi itu berubah apabila pasangan ini mencuba aktiviti larian ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020.

"Ketika PKP, anak-anak mula tantrum sebab asyik terperap di rumah. Dari situah saya dan isteri cuba serta acara larian. Alhamdulillah, larian pertama kami sekeluarga mendapat sambutan positif dan mengubah pandangan



Usaha Norhazim Izzat diktiraf Malaysia Book of Records sebagai Individu Pertama Menamatkan Maraton Penuh Bersama Anak OKU dalam Stroller Tandem.

masyarakat terhadap ibu bapa yang mempunyai anak OKU," katanya.

Bermula dari situ, Norhazim sekeluarga aktif menyertai pelbagai acara larian setiap hujung minggu hingga kini berjaya menyertai lebih 400 acara di seluruh negara.

### Terapi kepada anak

Baginya, aktiviti itu bukan sekadar riadah, malah menjadi terapi kepada anak serta mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Tidak terhenti di situ, Norhazim mencari kelainan dengan mencipta sejarah apabila menyertai maraton penuh sejauh 42 kilometer bersama Alisyah pada acara IJM Allianz Duo Highway Challenge.

"Tujuan saya bukan untuk

mengejar gelaran atau mendapat pujian, sebaliknya mahu memberi kesedaran, anak OKU juga boleh terbarat dalam aktiviti seperti orang lain. Alhamdulillah, pengaruh menyokong usaha ini dan saya berjaya menamatkan maraton," katanya.

Usaha itu turut diktiraf Malaysia Book of Records sebagai Individu Pertama Menamatkan Maraton Penuh Bersama Anak OKU dalam Stroller Tandem.

Mengimbang pengalaman itu, beliau berkata maraton bermula waktu pagi dengan stroller seberat 40 kilogram ditolak sepanjang larian, manakala isterinya memastikan segala keperluan Alisyah terjaga.

"Syukur, Alisyah tidak meragam dan hampir sepanjang larian

dia tidur. Ia satu pengalaman sangat bermakna," katanya.

Selain aktif berlari, Norhazim yang juga eksekutif di sebuah syarikat utiliti, memubuhkan Persatuan Pelari Anak Luar Biasa yang kini mempunyai lebih 40 ahli.

Katanya, ketika menyertai larian itu ramai ibu bapa turut menyertainya dan dari situ mereka berkongsi segala maklumat.

"Ramai ibu bapa mula berkongsi pengalaman dan cabaran mereka. Ada yang kata, ini kali pertama bawa anak bercuti kerana sebelum ini kehidupan hanya terperap di rumah."

"Apabila berada dalam 'seksyen', kita lebih memahami dan pada masa sama membantu kesihatan mental ibu bapa anak OKU," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



TAJUK : BAWA ANAK ISTIMEWA KELUAR, JANGAN SIMPAN DI RUMAH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Bawa anak istimewa keluar, jangan simpan di rumah

Pengorbanan seorang ibu bukan sedikit, apatah lagi apabila diuji dengan dua anak istimewa.

Iltah realiti hidup dilalui Nur Hani Amirah, yang memilih menyerahkan seluruh masa dan tenaganya menjaga 'anak syurga', sedangkan wanita lain seusianya sibuk mengejar impian dan kerjaya.

Tidak pernah sesekali menyali aturan yang diterima kerana beliau percaya, ia satu 'kejaya' lebih mulia apabila ada yang bertanya, sama ada bekerja atau tidak.

"Selepas berkahwin memang ada niat mencari pendapatan lebih bagi membantu suami.

"Namun, apakan daya apabila Alisya lahir, dia dalam keadaan kritis kerana menghadapi komplikasi sindrom kromosom, masalah jantung, tiada limpa dan kini perlu makan antibiotik seumur hidup. Jadi, tumpuan perlu diberikan sepenuhnya.

"Tiga tahun selepas itu, saya melahirkan anak kedua dan di-



Nur Hani Amirah bersama suami dan dua anak mereka menyertai acara larian.

sahkan autisme pada usia empat tahun. Memang terasa duaagaan itu, namun sokongan serta bantuan daripada suami, mengurangkan beban dihadapi," katanya yang kini turut menyertai maraton bersama suami dan anaknya.

Menurut Nur Hani, keputusan suami mengikuti acara larian bagi mengubah rutin aktiviti anak sedikit sebanyak memberi banyak perubahan positif kepada mereka, terutama dari sudut kesihatan mental.

"Dulu apabila sudah terlalu penting berdepan kerena anak yang tidak tentu masa ini, saya banyak salahkan diri atas takdir berlaku.

"Saya memang jarang bergaul dengan masyarakat kerana tumpuan sepenuhnya kepada anak.

Tiada 'me time' dalam kamus hidup saya.

"Tetapi selepas menyertai larian ini, saya mula merasai perubahan dalam diri, jiwa semakin tenang. Saya mempunyai kenalan rakan senasib, mula bersosial dan semakin lama semakin seronok, malah anak juga boleh dikawal," katanya.

Melihat perubahan itu, beliau turut menggesa ibu bapa yang mempunyai anak OKU supaya jangan 'simpan' di rumah, sebaliknya bawa mereka keluar, meneroka apa yang ada di luar rumah.

"Anak ini juga berhak merasai sama seperti anak normal yang lain. Jangan risaukan pandangan orang sekeliling, sebaliknya kita perlu mendidik masyarakat mengenai anak OKU ini."

"Pada masa sama, jangan berputus asa mencari aktiviti serasi dengan jiwa anak kerana pada masa akan datang, ia memberi banyak kelebihan kepada ibu bapa itu sendiri," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



TAJUK : BUDAK JATUH PARIT DITEMUI LEMAS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MANGSA disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan yang berada di lokasi.

## Budak jatuh parit ditemui lemas

**Bintulu:** Seorang kanak-kanak lelaki yang dilaporkan terjatuh ke dalam parit di Jalan Sebaru di sini, kelmarin ditemukan lemas.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak dalam kenyataan semalam memaklumkan mangsa berusia tujuh tahun.

"Sebaik sahaja menerima panggilan pada 8.45 malam (kelmarin), pasukan ope-

rasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintulu telah digerakkan ke lokasi yang jaraknya terletak sejauh enam kilometer.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan yang berada di lokasi dan kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Katanya, operasi mencari dan menyelamat ditamatkan pada 10.07 malam.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm MALAYSIA MADANI

TAJUK :	BOY DROWNS AFTER FALLING INTO DRAIN IN BINTULU		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	2 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Boy drowns after falling into drain in Bintulu

Yunus Yusop

**BINTULU:** A seven-year-old boy died after falling into a drain at Jalan Sebaru here on Sunday night.

According to the Fire and Rescue Department (Bomba), a distress call was received at 8.45pm, prompting a team of nine firefighters from the Bintulu station to be dispatched to the scene.

Upon arrival, they confirmed that the boy, identified as Ricky Peter Bandang, had drowned.

"Using a surface search technique, the team found the victim approximately 2m away from where his clothes were discovered earlier," said Bomba in a statement.

The boy was pronounced dead at the scene by paramedics, and the body was later handed over to the police for further action.

The operation concluded at 10.07pm.

In a statement issued yesterday, Bintulu police chief Supt Nixon Joshua Ali reminded all parents and guardians to remain vigilant and closely supervise their children, particularly around ponds and



Firefighters get ready to transport the body from the site to the police truck.

reservoirs, to prevent tragedies.

He also advised the public to not spread unverified

information that could cause unnecessary panic.

Anyone with information is

urged to contact the Bintulu District police operations room via 086-318304.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



TAJUK :	KANAK-KANAK DITEMUI MATI LEMAS DALAM TAKUNGAN AIR
HARI :	SELASA
TARIKH :	2 SEPTEMBER 2025
TONE :	NEGATIF
AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
M/SURAT :	01&02
SEKTOR :	KPWKM



**PERIKSA:** Pasukan perubatan menjalankan pemeriksaan ke atas mangsa sebelum disahkan meninggal dunia.

## Kanak-kanak ditemui mati lemas dalam takungan air

**BINTULU:** Seorang kanak-kanak lelaki ditemui mati lemas dalam takungan air di Jalan Celestine Ujang di sini, malam kelmarin.

Menurut Ketua Polis Daerah Bintulu Superintenden Nixon Joshua Ali, mangsa yang berumur 7 tahun dijumpai sekitar jam 8.30 malam.

"Sekitar jam 8.30 malam, pihak polis menerima panggilan daripada bapa mangsa yang memaklumkan bahawa anak lelakinya hilang berhampiran simpang jalan masuk Taman Seri Pelabuhan," ujarnya.

Bertindak atas maklumat tersebut, sepasukan anggota polis bersama Unit MPV Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah bergerak ke lokasi bagi membantu usaha pencarian serta mengesan mangsa.

Sejurus sampai di lokasi menurut Nixon, tubuh mangsa ditemui di dasar takungan air berkedalaman lima meter terletak lebih kurang 50 meter dari rumah pekerja sebuah bengkel berhampiran.

◆ [LihatMuka2](#)

### Kanak-kanak ditemui mati lemas dalam takungan air

#### ► Dari Muka 1

"Pemeriksaan awal yang dijalankan mendapati tiada sebarang unsur jenayah pada tubuh mangsa," jelasnya.

Pegawai perubatan dari Hospital Bintulu telah menge-

sahkan mangsa meninggal dunia di lokasi kejadian.

Mayat mangsa kemudian dibawa ke Unit Forensik Hospital Bintulu bagi tujuan bedah siasat.

Setakat ini katanya, kes ini diklasifikasikan sebagai kes mati mengejut (SDR).

Beliau pada masa sama menggesa mana-mana orang awam yang mempunyai maklumat atau terlihat kejadian boleh tampil menghubungi atau memaklumkan maklumat kepada Bilik Gerakan IPD di Talian 086-318304.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Budak terjatuh parit ditemui lemas

Oleh Bernama - September 1, 2025 @ 1:06pm



BINTULU: Seorang kanak-kanak lelaki yang dilaporkan terjatuh ke dalam parit di Jalan Sebaru di sini, semalam ditemui lemas malam tadi.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak dalam kenyataan hari ini, memaklumkan mangsa dikenali sebagai Ricky Peter Bandang berusia tujuh tahun.

"Sebaik sahaja menerima panggilan pada jam 8.45 malam, pasukan operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintulu digerakkan ke lokasi yang jaraknya terletak sejauh enam kilometer.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan yang berada di lokasi dan kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," menurut kenyataan itu.

Pasukan operasi bertindak menggunakan teknik pencarian di permukaan dan operasi mencari dan menyelamat ditamatkan pada jam 10.07 malam.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Dera budak 2 tahun: Mangsa enggan ikut arahan, punca guru taska bertindak kasar – Polis

01 September 2025, 1:02pm



Foto hiasan

Oleh: Nurul Amalina Zainudin

**KUALA LUMPUR:** Tindakan seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun yang enggan mengikut arahan dipercayai menjadi punca seorang guru taska bertindak kasar di sebuah taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di Bandar Rimbau, Kuala Langat.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Mohd Akmalrizal Radzi, berkata siasatan mendapati suspek tidak mengalami sebarang masalah mental dan sudah berkhidmat di taska berkenaan sejak lebih setahun lalu.

"Suspek geram mangsa tidak mahu dengar apa yang suspek (guru taska) minta buat, seperti apabila diminta pergi ke tandas, mangsa tidak pergi dan buat tidak tahu serta bermain-main," katanya ketika dihubungi Buletin TV3, hari ini.

Beliau berkata, kertas siasatan akan dirujuk ke pejabat pendakwa raya dalam masa terdekat bagi mendapatkan arahan pertuduhan minggu hadapan.

Terdahulu, seorang guru taska berusia 38 tahun ditahan reman selama lima hari susulan laporan dibuat ibu mangsa pada 24 Ogos lalu.

Dalam insiden kira-kira jam 6 petang itu, guru berkenaan didakwa mengheret mangsa dari kelas ke bilik air dengan menarik rambutnya.

Selain itu, suspek turut didakwa memukul kepala kanak-kanak berkenaan menggunakan tudung saji kecil dan botol air.

Hasil penelitian rakaman kamera litar tertutup (CCTV) turut menunjukkan guru wanita itu menolak serta menyeret mangsa dengan menggunakan kaki dari ruang kelas hingga ke bilik air.

Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my) • kpwkm



## Empat ditahan disyaki rogol remaja perempuan

Ahmad Hasbi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Gambar hiasan

Seremban: Remaja perempuan berdepan detik hitam apabila dinoda beramai-ramai oleh empat lelaki di sebuah rumah yang tidak diketahui lokasinya, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohamad Hatta Che Din berkata, susulan kejadian itu, empat lelaki berusia 16 hingga 19 tahun ditahan di sekitar daerah ini, semalam.

"Pada 3.21 pagi 30 Ogos lalu, remaja perempuan berumur 16 tahun membuat laporan polis di Balai Polis Senawang mengatakan dirinya dirogol sekumpulan lelaki.

"Siasatan awal mendapati, kira-kira 8 malam 29 ogos lalu, mangsa ke sebuah pusat karaoke keluarga di Senawang dan dia dipercayai meminta bantuan daripada lelaki baru dikenali melalui aplikasi 'Leo' untuk menghantarnya pulang ke rumah.

"Dalam perjalanan pulang mangsa mendakwa dibawa ke sebuah rumah tidak diketahui dan dikatakan di rogol secara berkumpulan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, bertindak atas maklumat, Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Seremban berjaya membuat tangkapan seramai empat suspek di sekitar Seremban, manakala mangsa dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar, di sini, untuk pemeriksaan lanjut.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 375b Kanun Keseksaan.